

**BAB TIGA**

**HUKUM TADHKIR DAN TA'NITH  
KATA KERJA UNTUK PELAKU**

## **BAB TIGA**

### **HUKUM TADHKIR DAN TA'NITH**

### **KATA KERJA UNTUK PELAKU**

#### **3.0 Pendahuluan**

Perbincangan mengenai hukum tadhkir dan ta'nith kata kerja untuk pelaku dalam kitab-kitab nahu terletak di bawah tajuk pelaku bukannya di bawah tajuk tadhkir atau ta'nith. Ini kerana persoalan tadhkir dan ta'nith kata kerja dibincangkan dalam konteks fleksi kata kerja dengan pelaku.

Jadi , penggunaan kata kerja sama ada secara tadhkir atau ta'nith adalah bergantung kepada jenis dan bentuk sesuatu pelaku. Dalam hal ini, terdapat tiga jenis hukum tadhkir dan ta'nith kata kerja untuk pelaku yang akan diuraikan secara mendalam.

#### **3.1 Hukum Tadhkir dan Ta'nith Kata Kerja untuk Pelaku**

Di bawah persoalan ini, terdapat tiga jenis hukum tadhkir dan ta'nith kata kerja untuk pelaku iaitu :

- (a) Wajib tadhkir.
- (b) Wajib ta'nith.
- (c) Harus ta'nith atau tadhkir.

### 3.1.1 Wajib Tadhkîr

Wajib mentadhkîrkan kata kerja pada dua tempat iaitu :

- (a) Sekiranya pelaku kata kerja tersebut adalah kata nama mudhakkâr.

Contohnya ialah :

ذَهَبَ مُحَمَّدٌ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

(Muhammad telah pergi ke sekolah)

- (b) Sekiranya dipisahkan di antara kata kerja dan pelakunya dengan partikel (إِلَّا) maka berdasarkan pendapat kebanyakan ulama nahu wajiblah ditadhkîrkan kata kerjanya. Contohnya ialah :

مَا قَامَ إِلَّا هُنَّ

(Tiada seorangpun yang bangun kecuali Hindun)

مَا زَارَنِي إِلَّا هُنَّ

(Tiada seorangpun yang menziarahiku kecuali dia seorang perempuan)

Hukum mewajibkan tadhkîr kata kerja dalam kedua-dua contoh di atas adalah berdasarkan andaian bahawa pelaku sebenar bagi kata kerja (قام) dan (زار) telah dibuang, sedangkan kata nama yang disebut iaitu (هي) dan (هُنَّ) adalah badal (ganti) daripadanya, maka andaian ayat ini ialah (ما زَارَنِي أَهْدَى إِلَّا هُنَّ) atau (ما قَامَ أَهْدَى إِلَّا هُنَّ).

Namun begitu, ada pendapat di kalangan ahli nahu yang mengatakan harus menta'nithkan kata kerja yang dipisahkan dari pelakunya dengan partikel (إِلَّا) berdasarkan lafaz, seperti yang disebutkan oleh al- Akhfasy :

مَا بَرَأْتَ مِنْ رَبِيعَةٍ وَدَمْ<sup>ۖ</sup> فِي حَرْبِنَا إِلَّا بَنَاتُ الْعَمَّ

Terjemahannya : "tiadalah yang terselamat daripada syak wasangka dan celaan di dalam peperangan kami kecuali sepupu wanita"

Fokus di dalam rangkap puisi di atas ialah kata kerja (برأة) telah dita'nithkan kerana berdasarkan lafaz kata nama mu'annath zāhir (nyata) iaitu perkataan (بنات). Walaupun dipisahkan dengan partikel (إِلَّا) ia tetap dita'nithkan sedangkan mengikut kaedah asal wajib ditadhkirkhan kata kerja tersebut berdasarkan andaian makna pelakunya yang sebenar iaitu perkataan (أَحَدٌ).

Di sini, hukumnya adalah harus tetapi kebanyakan ulama nahu hanya membenarkan penggunaan serupa ini untuk "pengecualian" puisi semata-mata.<sup>1</sup> Walaupun demikian, Ibn Mālik telah mengharuskannya di dalam prosa seperti yang tersebut di dalam kitab **Syarḥ Ibn Āqīl** beliau<sup>2</sup> :

كَمَا زَكَّا إِلَّا فَتَاهُ ابْنُ الْعَادَ  
وَالْخَذْفُ مَعَ فَصْلٍ يُلَّا فَضْلًا

<sup>1</sup> Ibn Hisyām al-Anṣāriy. Audah al-Masālik. Jil. 1. Hal. 358.

<sup>2</sup> Ibn Mālik, Baha'uddin 'Abdullāh ibn Āqīl. Syarḥ Ibn Āqīl. Jil. 1. Hal. 477- 479.

Terjemahannya : "dan pengguguran tā' kerana dipisahkan dengan partikel illā adalah lebih baik seperti ayat berikut : مَا زَكَرَ كَانَ إِلَّا فَتَاهَ ابْنُ الْعَادِ ( Tidak ada seorangpun yang suci/baik kecuali anak gadis Ibn 'Alā)".

Beliau telah berhujah tentang keharusan penggunaan tersebut berdalilkan Qirā'at sebahagian ulama dengan firman Allah dalam surah Yāsin ayat 53 iaitu:

إِنْ كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً

Terjemahannya : "Hanyalah dengan berlakunya satu pekikan sahaja".

Perkataan (صَيْحَةٌ) dalam ayat di atas boleh dibaca dengan qammat (صَيْحَةٌ) kerana menjadi kata nama (كَانَتْ) dan ia adalah perkataan mu'annath yang terpisah daripada (كَانَتْ) dengan partikel al-istithnā' (أَدَاءُ الْإِسْتِثْنَاءِ) iaitu illā, walaupun begitu kata kerja (كَانَتْ) telah dita'nīthkan.

Begitu juga dengan firman Allah dalam surah al-Ahqāf ayat 25 iaitu :

فَأَصْبَحُوا لَا يُرَى إِلَّا مَسَاكِنُهُمْ

Terjemahannya : "maka menjadilah mereka (punah ranah), tidak ada yang kelihatan melainkan tempat-tempat tinggal mereka".

Sebahagian daripada para salaf seperti Ibn al-Kathīr, Nāfi<sup>c</sup>, Ibn 'Amīr, Abū 'Amrū dan al-Kisā'iyy telah membaca perkataan (لَا يُرَى) dengan tā' iaitu (لَا تُرَى) dan dengan merafa<sup>c</sup>kan baris nūn pada perkataan

( مَسَاكِنُهُمْ ). Manakala <sup>c</sup>Aṣīm dan Ḥamzah telah membaca dengan yā' ( لا يَرِى ) dengan menasabkan baris nūn ( مَسَاكِنُهُمْ ). Qirā'a t̄ dengan tā' pada kata kerja ( لا تَرِى ) menunjukkan bahawa kata kerja boleh dimasuki tā' ta'nīth yang disandarkan kepada jam<sup>c</sup> taksīr sekalipun terdapat partikel illā.<sup>1</sup>

### 3.1.2 Wajib Ta'nīth

Wajib menta'nīthkan kata kerja pada tiga tempat iaitu:

(a) Sekiranya pelaku kata kerja tersebut adalah mu'annath haqīqiy, kata nama nyata (bukan kata gantinama) dan bersambung dengan kata kerja. Contohnya ialah :

فَازَتْ التَّلَمِيذَةُ / التَّلَمِيذَاتُ / التَّلَمِيذَاتُ

( Telah berjaya seorang/dua orang / ramai pelajar perempuan)

Contoh lain ialah perkataan <sup>"اُمْرَأَةٌ"</sup> dalam surah Al-İmrān ayat 35.

Firman Allah s.w.t. :

إِذْ قَالَتْ اُمْرَأَةٌ عِمْرَانَ

Terjemahannya: " (Ingalah) ketika isteri <sup>c</sup>Imrān berkata".

<sup>1</sup> Dipetik dari : Ibrāhīm Ibrāhīm Barakāt. Al-Ta'nīth fi al-Lughat al-<sup>c</sup>Arabiyyat. Hal. 308.

(b) Wajib menta'nīthkan kata kerja jika pelakunya adalah kata gantinama tersembunyi yang kembali kepada mu'annath haqīqiy atau majāziy. Contohnya ialah :

الفَتَاهُ تَجْحَدَ ( Gadis itu telah berjaya )

الشَّمْسُ طَلَعَ ( Matahari telah terbit )

(c) Wajib juga menta'nīthkan kata kerja jika pelakunya adalah kata gantinama tersembunyi yang kembali kepada jam<sup>c</sup> mu'anath sālim dan jam<sup>c</sup> taksīr yang mu'annath. Contohnya ialah :

الْفَتَيَاتُ جَادَتْ ( Gadis-gadis itu baik/sopan )

الْجَمَالُ جَادَنْ ( Unta-unta itu bagus )

### 3.1.3 Harus Tadhkīr atau Ta'nīth.

Harus mentadhkirkan kata kerja atau menta'nīthkannya pada beberapa tempat berdasarkan jenis-jenis perkataan-perkataan yang menjadi pelakunya seperti berikut :

(a) Sekiranya pelaku sesuatu kata kerja itu adalah mu'annath majāziy yang nyata, maka hukum penggunaan kata kerja adalah harus ditadhkirkan atau dita'nīthkan dan penggunaan ta'nīth di sini adalah lebih baik.

Contohnya ialah :

طَلَعَ الشَّمْسُ atau طَلَعَ الشَّمْسُ ( Telah terbit matahari )

Contoh yang terdapat di dalam Al-Quran ialah perkataan ( طَلَعَ الشَّمْسُ ) dalam surah al-Qiyāmat ayat 9. Firman Allah s.w.t. :

وَجَمِيعُ الشَّمْسِ وَالْقَمَرِ

Terjemahannya : "Dan dikumpulkan matahari dan bulan".

Berdasarkan ayat ini **Ibn Abi al-Rabī<sup>c</sup>**<sup>1</sup> telah berpendapat bahawa setiap kata kerja apabila disandarkan kepada mu'annath yang bukan haqīqiy (al-majāziy) , maka dibolehkan sama ada menyebut tā' ta'nīth atau menggugurnanya. Namun, **Ibn Tarawat<sup>c</sup>**<sup>2</sup> telah menyanggah pendapat di atas dengan alasan bahawa gugurnya tā' ta'nīth adalah berdasarkan kepada kaedah lain iaitu mengutamakan mudhakkār daripada mu'annath ( تَغْلِيبُ الْمَذَكُورِ عَلَى الْمُؤْتَمِثِ ) . Contohnya ialah :

( زَيْدٌ وَهُنَادٌ قَامَا : Zaid dan Hindun bangun )

Menurut **Ibn Abi al-Rabī<sup>c</sup>** pendapat **Ibn Tarawat<sup>c</sup>** ini tertolak dengan sendirinya kerana menyalahi kaedah samā'iyy. Dalilnya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-Ra'd ayat 16 :

<sup>1</sup> <sup>c</sup>Ubaidullāh ibn Ahmad ibn <sup>c</sup>Ubaidulāh al-Quraisyiy al-Asybiliyy al-Sabtiyy ( 599-688 H )

<sup>2</sup> Abū al-Husayn Sulaimān ibn Muḥammad ibn <sup>c</sup>Abdullāh Al-Mālikiy ( 538-1134 H )

أَمْ هُلْ تَسْتَرِي الظُّلْمَاتُ وَالنُّورُ

Terjemahannya : "Atau adakah sama kegelapan dengan cahaya".

Sebenarnya ayat di atas boleh dibaca dengan dua Qirā'at, pertamanya dengan yā' (يَسْتَرِي) dan keduanya dengan tā' (تَسْتَرِي). Jadi, sekiranya pendapat Ibn Tarawat itu benar, tentulah ayat di atas hanya boleh dibaca dengan yā' sahaja.

Oleh itu, nyatakan bahawa persoalan ini ( seperti ayat di atas ) bukan terkandung di dalam kaedah mengutamakan mudhakkár daripada mu'annath, sebaliknya kaedah yang digunakan ialah berdasarkan perkataan yang didahulukan (المُقْدَمُ) dan dikemudiankan (المُؤْخَرُ). Seandainya kata nama al-muqaddam itu mudhakkár maka tā' ta'níth boleh digugurkan daripada kata kerja, begitulah pula jika sekiranya kata nama al-muqaddam itu mu'annath maka tā' ta'níth dikenalkan.<sup>1</sup>

Sepantas lalu, perbahasan dan pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Abi al-Rabi'<sup>c</sup> adalah menarik kerana beliau bukan hanya sekadar meluaskan sempadan perbahasan sintaksis mengenai penggunaan tadhkír dan ta'níth kata kerja, malah beliau cuba melakarkan kaedah yang melihat kepada aspek kesesuaian penggunaan tersebut di antara dua perkataan yang berdekatan menerusi persoalan taqdím(mendahulukan) dan ta'khir (melewatkhan).

<sup>1</sup>Ibn Abī al-Rabī'. Al-Baṣīṭ fī Syarḥ Jumal al-Zujjājīy. Jil. 1. Hal. 264-265.

Penulis pula berpendapat persoalan di atas mempunyai kaitan dengan lafaż atau konteks sesuatu perkataan. Jika sekiranya sesuatu perkataan disebut di dalam konteks mu'annath maka kata kerjanya akan di ta'nīthkan dan begitulah sebaliknya jika disebut di dalam konteks mudhakkār maka kata kerjanya akan ditadhibkarkan .

Sebagai contohnya seperti firman Allah dalam surah al-Qiyāmat ayat 7, 8 dan 9 :

فَإِذَا بَرَقَ الْبَصَرُ . وَخَسَفَ الْقَمَرُ . وَجَمِيعَ الشَّمْسِ وَالْقَمَرِ

Terjemahannya : "Maka (jawabnya: hari kiamat akan datang) apabila pemandangan menjadi terpendar-pendar (kerana gerun takut), dan bulan hilang cahayanya, dan dikumpulkan matahari dan bulan"

Perkataan ( الشمسُ ) adalah mu'annath majāziy tetapi kata kerjanya ( جُمِعَ ) telah ditadhibkarkan kerana bukan sekadarnya hukumnya adalah harus tadhib dan ta'nīth, bahkan kerana telah disebut dalam konteks yang banyak terdapat kata nama mudhakkār dan kata kerja yang ditadhibkarkan seperti ( يُرِيقُ ) dan ( خَسَفَ ). Faktor inilah yang merupakan punca sebenar kenapa kata kerja ( جُمِعَ ) telah ditadhibkarkan walaupun penggunaan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath majāziy lebih elok dan baik dari segi bahasa.

(b) Sekiranya pelaku adalah mu'annath al-haqiqiy yang dipisahkan daripada kata kerjanya dengan pemisah selain daripada partikel (ا) maka hukum penggunaan kata kerjanya adalah harus ditadkirkan atau ditanahkan dan penggunaan ta'nīth di sini adalah lebih baik. Contohnya ialah :

زَارَ القرِيَةَ هِنْدَ atau زَارَتِ القرِيَةَ هِنْدَ

( Hindun telah menziarahi kampung )

Contoh lain ialah kata-kata **Jarīr** ketika mencela **al-Akhtal** :

لَفَدَ وَلَدَ الْأَخْيَطِلَ أُمْ سُوْءٍ عَلَى بَابِ إِسْتَهَا صَلَبٌ وَشَامٌ

Terjemahannya : "Sesungguhnya ibu yang jahat telah melahirkan si kecil **al-Akhtal**, berdekatan pintu yang tiangnya keras dan terukir ( anak jalanan )"

Fokus di dalam rangkap puisi di atas ialah kata kerja ( لَفَدَ ) yang digugurkan tā' pada hujungnya walaupun pelaku adalah perkataan mu'annath haqiqiy iaitu perkataan ( أُمْ سُوْءٍ ), tetapi disebabkan ada pemisah antara kedua-duanya iaitu perkataan ( الْأَخْيَطِلَ ) maka hukumnya adalah harus sama ada meletakkan tā' ta'nīth atau menggugurnannya .

Menurut **Sibawaih** semakin panjang pemisah menjadikan sesuatu ayat semakin elok, manakala penguguran tā' ta'nīth akan menjadikan ayat semakin indah, seolah-olah ia adalah ganti kepada sesuatu iaitu dengan

menggugurkan tā' ta'nīth, maka sudah memadai dengan menzahirkan kata nama mu'annath.<sup>1</sup> Contohnya ialah :

حضر القاضي اليوم امرأة

( hadirlah seorang wanita ke hadapan qadhi hari ini )

Dalam contoh di atas kata kerja ( حَضَرْ ) telah digugurkan tā' ta'nīth kerana dipisahkan daripada pelakunya ( اِمْرَأَةً ) dengan dua perkataan iaitu ( القاضي ) dan ( الْيَوْمُ ).

(c) Sekiranya pelaku adalah kata gantinama bebas bagi mu'annath maka hukum penggunaan kata kerjanya adalah harus ditadhibkan atau dita'nīthkan dan penggunaan tadhkir di sini adalah lebih baik lagi elok. Contohnya ialah :

إِنَّمَا زَارَتِنِي هِيَ atau إِنَّمَا زَارَنِي هِيَ

( Sesungguhnya yang hanya menziarahiku adalah dia )

(d) Sekiranya pelaku adalah mu'annath nyata dan kata kerjanya adalah ( بِشَاءٍ ) atau ( سَاءٌ ) yang digunakan untuk mengeji maka hukum penggunaan ketiga-tiga kata kerja ini adalah harus ditadhibkan atau dita'nīthkan dan penggunaan ta'nīth di sini adalah lebih elok. Contohnya ialah :

نَعَمُ الْمُجَهَّدَةُ atau نَعَمُتُ الْمُجَاهِدَةُ

( sebaik-baik wanita ialah yang berusaha)

<sup>1</sup> Sibawaih. Al-Kitāb. Jil. 2. Hal. 38.

Walaubagaimanapun, kaedah ini hanya berdasarkan pandangan ulama nahu aliran Basrah yang mengatakan (نعم) dan (بنس) adalah kata kerja kala lampau yang tidak boleh ditarifkan, sedangkan ulama nahu aliran Kufah kecuali al-Kisā'iy mengatakan kedua-duanya adalah kata nama mubtada'.

Di antara hujah-hujah ahli nahu aliran Basrah yang mengatakan kedua-dua perkataan di atas adalah kata kerja ialah kerana (نعم) dan (بنس) boleh dimasuki oleh tā' ta'nīth yang tidak berubah menjadi hā' ketika waqaf, dan ia adalah tanda khusus kepada kata kerja kala lampau sahaja. Dijawab pula oleh ulama nahu aliran Kufah bahawa tā' ta'nīth juga memasuki huruf seperti perkataan (ربت) (نمت) dan (للت) seperti firman Allah s.w.t dalam surah Shād ayat 3 :

فَنَادُوا وَلَاتْ حِينَ مَنَاصِ

Terjemahannya : "Lalu mereka meminta pertolongan, padahal (saat itu) bukanlah (saat meminta pertolongan melepaskan diri dari azab)".

Dengan masuknya tā' pada huruf bermakna tertolaklah alasan yang mengatakan bahawa tā' ta'nīth hanya khusus kepada kata kerja kala lampau sahaja.

Pandangan-pandangan di atas dan perbahasan-perbahasan mengenai (نعم) dan (بنس) sama ada kedua-duanya kata kerja atau kata nama telah

dibincangkan oleh al-Anbāriy di dalam kitab beliau "Al-Insāf fi Masā'il al-Khilāf" secara mendalam dan terperinci malah beliau sendiri telah menyokong pendapat ulama nahu aliran Basrah.<sup>1</sup>

Sibawaih pula berpendapat bahawa (نعم) dan (بنس) boleh ditadhkirkan atau dita'nithkan, tetapi kebanyakannya digunakan secara tadhkir. Sibawaih menyatakan bahawa sebab penggunaan (نعم) dan (بنس) secara tadhkir atau ta'nith adalah bergantung kepada makna sama ada mu'annath atau mudhakkir. Contohnya ialah:

هَذَا الْبَلَدُ نَعْمَ الدَّارُ وَ هَذِهِ الدَّارُ نَعْمَتْ الْبَلَدُ

( Rumah/negeri/tempat adalah sebaik rumah/negeri dan tempat )

Penggunaan (نعت) secara ta'nith pada ayat di atas kerana makna (الدار) ialah (البلد) dan penggunaan (نعم) secara tadhkir pula kerana makna (البلد) ialah (الدار).<sup>2</sup>

Oleh itu, penulis lebih cenderung kepada pandangan ulama nahu aliran Basrah kerana kekuatan hujah mereka di samping mempunyai kaitan dengan kaedah pengharusan tadhkir dan ta'nith kata kerja yang sedang dibincangkan.

<sup>1</sup> Al-Anbāriy. Al-Insāf fi Masā'il al-Khilāf. Jil. 1. Hal. 107-108.

<sup>2</sup> Sibawaih. Al-Kitāb. Jil. Hal. 179

(e) Sekiranya pelaku adalah kata nama mudhakkar yang dijam<sup>c</sup>kan dengan alif dan tā' maka hukum penggunaan kata kerjanya adalah harus ditadhib<sup>k</sup>arkan atau dita'nīthkan dan penggunaan tadhkīr di sini adalah lebih baik. Contohnya ialah :

جَاءَتِ الْمُعَاوِيَاتُ atau جَاءَ الْمُعَاوِيَاتُ

( Telah datang Mu<sup>c</sup>awiyah-mu<sup>c</sup>awiyah )

(f) Sekiranya pelaku adalah jam<sup>c</sup> taksīr kepada mu'annath dan mudhakkar maka hukum penggunaan kata kerjanya adalah harus ditadhib<sup>k</sup>arkan atau dita'nīthkan. Penggunaan yang lebih baik di sini ialah tadhkīr bersama dengan jam<sup>c</sup> taksīr mudhakkar dan ta'nīth bersama dengan jam<sup>c</sup> taksīr mu'annath. Contohnya ialah :

حَضَرَتِ الْفَوَاطِمُ atau حَضَرَتِ الْفَوَاطِمُ

( Telah hadir Fatimah-fatimah )

حَضَرَتِ الْأُولَادُ atau حَضَرَتِ الْأُولَادُ

( Telah hadir kanak-kanak lelaki )

Contoh lain ialah seperti perkataan (الأشجار) dalam serangkap puisi

Abū Nuwās :

طَابَ الرّمَانُ وَأَوْرَقَ الْأَشْجَارُ      وَمَضَى الشَّتَاءُ وَقَدْ آتَى آذَارُ

Terjemahannya : "indahnya masa dengan pepohon yang berdaun rimbun, musim sejuk berlalu dan tiba lah bulan Ādhār (nama salah satu bulan Arab / musim bunga)".

Fokus di dalam rangkap puisi di atas ialah kata kerja (أُرْقَى) yang tidak disebut (أُرْقِتَ) walaupun pelakunya adalah perkataan (الأشْجَارُ ) iaitu jam<sup>c</sup> taksīr tidak berakal yang dihukumkan mu'annath.

Para ulama nahu menetapkan setiap jam<sup>c</sup> taksīr adalah mu'annath kerana ia adalah pecahan dari kata nama tunggalnya dan boleh dikongsi bersama dengan perkataan mu'annath dan mudhakkār. Contohnya perkataan jam<sup>c</sup> (زِيَّةً) adalah (زَيْوَنَةً) begitu juga perkataan jam<sup>c</sup> (هَنْدً) menjadi (هَنْدَةً).<sup>1</sup>

Pendapat di atas dikuatkan dengan pandangan Sibawaih yang menyatakan bahawa perkataan-perkataan dari jenis manusia dan binatang yang dijam<sup>c</sup>taksīrkan adalah dihukumkan mu'annath sama seperti perkataan-perkataan lain yang bukan dari jenis manusia dan binatang seperti dari jenis benda.

Contohnya ialah perkataan (رَجُلٌ) : seorang lelaki ) disebut (هُوَ رَجُلٌ ) tetapi apabila menjadi jam<sup>c</sup> taksīr (رَجُلٌ) boleh disebut (هِيَ) atau seperti perkataan (جَمَلٌ) : seekor unta ) disebut (هُوَ جَمَلٌ ) dan apabila menjadi jam<sup>c</sup> taksīr (جَمَلٌ) boleh disebut (هِيَ الْجِمَالُ ). Kedua-dua perkataan ini samalah dengan perkataan yang bukan dari jenis manusia

<sup>1</sup> Ibrāhīm Ibrāhīm Barakāt. Al-Ta'nhī fi al-Lughat al-<sup>c</sup>Arabiyyat. Hal. 296.

dan binatang seperti ( جَذْعٌ : akar ) yang disebut apabila jam<sup>c</sup> taksīr ( هِيَ ، الجَذْعُ ) .<sup>1</sup>

Menurut al-Zamakhsyariy jika sekiranya pelaku adalah jam<sup>c</sup> taksīr atau ism jam<sup>c</sup> mu'annath atau mudhakkār maka hukumnya adalah mu'annath sama ada berakal atau tidak berakal kerana ta'nīth jam<sup>c</sup> adalah tidak haqiqiy. Oleh itu, terdapat ruang yang luas untuk mengekalkan tā' ta'nīth atau menggugurnya daripada kata kerja.<sup>2</sup> Contohnya ialah kedua-dua ayat di bawah :

فَعَلَ الرِّجَالُ وَالْمُسْلِمَاتُ

( Telah melakukan orang-orang lelaki dan wanita-wanita islam )

مَضَتِ الْأَيَّامُ، مَضَى الْأَيَّامُ

( Telah berlalu/habis hari-hari )

Beliau juga telah menyentuh persoalan jam<sup>c</sup> taksīr ini ketika membincangkan firman Allah s.w.t. dalam surah Sabā' ayat 37 :

وَمَا أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ بِالَّتِي تُقَرِّبُكُمْ عِنْدَنَا زُلْفَى

Terjemahannya : "Dan bukanlah harta benda kamu dan tidak juga anak pinak kamu yang mendekatkan kamu di sisi Kami (walau sedikitpun)." ."

<sup>1</sup> Sibawaih. Al-Kitāb. Jil. 3. Hal. 40.

<sup>2</sup> Al-Zamakhsyariy. Al-Muṣṭafāṣal. Hal. 200.

Menurut beliau maksud ayat ini ialah :

وَمَا جَمَاعَةُ أَمْوَالِكُمْ وَلَا جَمَاعَةُ أَوْلَادِكُمْ بِالَّتِي تَقْرَبُكُمْ

( Dan bukanlah banyaknya harta benda kamu dan banyaknya anak pinak kamu yang mendekatkan kamu )

Ini disebabkan bahawa jam<sup>c</sup> taksir sama ada berakal ( "أَوْلَادٌ" ) atau tidak berakal ( "أَمْوَالٌ" ) sama sahaja dari segi hukum mu'annath nya.<sup>1</sup>

Berlandaskan pandangan dan kupasan di atas maka boleh disimpulkan bahawa setiap jam<sup>c</sup> taksir adalah mu'annath terutamanya dari jenis benda. Begitu juga jam<sup>c</sup> taksir dari jenis manusia dan binatang dihukumkan mu'annath walaupun berakal kerana berdasarkan makna ramai/banyak ( "جَمَاعَةٌ" ). Oleh itu, kata kerjanya harus ditadhhirkankan atau dita'nithkan.

(g) Sekiranya pelaku adalah mulhaq ( "مُلْحَقٌ" ) kepada jam<sup>c</sup> mudhakkarnāsālim atau mulhaq kepada jam<sup>c</sup> mu'annath sālim, maka hukum penggunaan kata kerjanya adalah harus ditadhhirkankan atau dita'nithkan. Contohnya ialah :

جَاءَ الْبَنِينَ

( Telah datang budak-budak lelaki )

<sup>1</sup> Al-Zamakhsyariy. Tafsir Al-Kasysyaf. Jil. 3. Hal.292.

**نَجْعَ أَوْلَاتُ الْاجْتِهَادِ** atau **نَجْحَتْ أَوْلَاتُ الْاجْتِهَادِ**

( Telah berjaya mereka (perempuan) yang bersungguh-sungguh )

Akan tetapi jika pelaku sesuatu kata kerja itu adalah *jam<sup>c</sup>* mudhakkar sālim dan *jam<sup>c</sup>* mu'annath sālim bukannya mulhaq maka para ulama nahu telah berselisih pendapat dan berbeza pandangan .

Ulama nahu aliran Basrah mewajibkan tadhkir kata kerja untuk *jam<sup>c</sup>* mudhakkar dan ta'nīth kata kerja untuk *jam<sup>c</sup>* mu'annath dengan tujuan memeliha usul sesuatu kata nama daripada sebarang perubahan. Contohnya ialah :

**قَامَ الزَّيْدُونُ** ( Telah bangun Zaid-zaid )

**قَامَتْ الْهِنْدَاتُ** ( Telah bangun Hindun-hindun )

Sedangkan ulama nahu aliran Kufah telah mengharuskan tadhkir serta ta'nīth pada kedua-duanya sekali . Manakala Abu <sup>c</sup>Ali al-Fārisiy hanya bersetuju dengan hukum harus tadhkir dan ta'nīth kata kerja untuk *jam<sup>c</sup>* mu'anath sālim sahaja tidak termasuk *jam<sup>c</sup>* mudhakkar sālim. <sup>1</sup>

Ulama nahu aliran Kufah mengeluarkan pendapat harus tadhkir dan ta'nīth kata kerja untuk *jam<sup>c</sup>* mu'anath sālim berdalilkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Mumtahanah ayat 10 :

<sup>1</sup> Ibn Hisyām al-Anṣāriy. Audah al-Masālik ila Alfiyyat Ibn Mālik. Jil 1. Hal. 360-361.

إِذَا جَاءَكُمُ الْمُؤْمِنَاتُ

Terjemahannya : "Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman telah datang kepada kamu".

Firman Allah s.w.t. lagi dalam surah al-Mumtahanah ayat 12 :

إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ

Terjemahannya :"Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman telah datang ".

Dan seperti ucapan <sup>c</sup>Abdah bin Yazid al-Tabib<sup>1</sup> :

فَبَكَى بَنَانِي شَجَوْهُنْ وَزَوْجِي وَالظَّاعِنُونَ إِلَيْيَ ثُمَّ تَصَدَّعُوا

Terjemahannya : "maka menangis kerinduan anak-anak gadisku, isteriku dan juga orang-orang yang mengikutiku, kemudiannya merekapun beredar"

Fokus di dalam rangkap puisi di atas ialah kata kerja (بَكَى) yang digugurkan tā' ta'nīh walaupun pelakunya adalah jam<sup>c</sup> mu'annath sālim iaitu perkataan (بنات).

<sup>1</sup> Seorang pemuisi dari kabilah Bani Tamīm.

Hujah ulama aliran kufah yang mengharuskan penggunaan tadhkir dan ta'nith kata kerja untuk jam<sup>c</sup> mudhakkar sālim ialah seperti ta'nith kata kerja (عَنْتَ) untuk perkataan (بَنُوَّا) yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. dalam surah Yūnus ayat 90 :

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُتُ بِهِ بَنُو إِسْرَائِيلَ

Terjemahannya : "melainkan orang-orang yang beriman dengannya di kalangan Bani Israil"

Sungguhpun demikian, pendapat ulama nahu aliran Kufah telah ditolak oleh ulama nahu aliran Basrah, mereka mengemukakan jawapan balas seperti yang disebut oleh **al-Asymūniy** bahawa yang pertamanya perkataan (بَنَّتْ) dan (بَنِّيَّنْ) berubah lafaz mufradnya kerana lafaz mufrad (بَنِّيَّنْ) ialah (بَنَّتْ) dan lafaz mufrad (بَنِّيَّنْ) ialah (بَنِّيَّتْ). Oleh itu, ia lebih menyerupai jam<sup>c</sup> taksir.

Keduanya ialah penggunaan tadhkir pada kata kerja (جَاءَ) untuk perkataan (الْمُؤْمِنَاتْ) adalah harus disebabkan adanya pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu kata gantinama (كَ) sebagai objek.

Ketiga pula ialah kerana asal ayat ini mengandungi perkataan (النَّسَاءُ) yang dibuang iaitu (إِذَا جَاءَكَ النَّسَاءُ الْمُؤْمِنَاتْ) atau kerana alif lām diandaikan

dengan <sup>6</sup> (اللاتي) iaitu perkataan jam<sup>c</sup> yang mengharuskan penggunaan kata kerja secara tadhkir atau ta'nith.<sup>1</sup>

Dalam hal ini, berdasarkan kajian penulis di dalam Al-Quran hanya terdapat satu perkataan jam' mu'annath sālim iaitu (البيتات) yang kata kerjanya ditadhkirkan pada satu tempat dan dita'nithkan pada tempat yang lain. Sedangkan tidak terdapat satupun perkataan jam' mudhakkar sālim yang kata kerjanya digunakan secara tadhkir atau ta'nith di dalam Al-Quran.

Justeru itu, penulis lebih cenderung kepada pendapat Abu 'Ali al-Fārisiy yang mengatakan harus tadhkir dan ta'nith kata kerja untuk jam' mu'anath sālim tetapi tidak harus tadhkir dan ta'nith kata kerja untuk jam' mudhakkar sālim.

(h) Sekiranya pelaku adalah kata nama mudhakkar yang berfungsi sebagai mudāf (مضاف) kepada mu'annath maka hukum penggunaan kata kerjanya adalah harus ditadhkirkan atau dita'nithkan, tetapi dengan syarat perkataan kedua yang menjadi mudāf ilayhi (مضافٌ إلَيْهِ) dalam ayat tersebut boleh dibuang dan penggunaan tadhkir di sini adalah lebih elok. Contohnya ialah :

فَازَتْ كُلُّ الْمُجْتَهِدَاتِ atau فَازَتْ كُلُّ الْمُجْتَهِدَاتِ

( Telah berjaya semua wanita yang bersungguh-sungguh )

<sup>1</sup> Ibn Hisyām al-Anṣāriy. Auḍāḥ al-Masālik ila Alfiyyat Ibn Mālik. Jil 1. Hal. 360-361.

(i) Sekiranya pelaku adalah ism *jam<sup>c</sup>* maka hukum penggunaan kata kerjanya juga adalah harus ditadhibkan atau dita'ñithkan. Contohnya ialah :

**حضر النساء** atau **حضرت النساء**

( Telah hadir kaum perempuan )

Ibrāhīm Ibrāhīm Barakāt menjelaskan bahawa penggunaan ta'ñith kata kerja dengan ism *jam<sup>c</sup>* berdasarkan kepada maksud *Jamā'ah* contohnya ( جماعتهم ) iaitu ( قَاتَنَ النِّسَاءُ ) dan ( جماعتهنَّ ) iaitu ( جَاءَتِ الْقَوْمُ ) ( جماعتهنَّ ). Manakala penggunaan tadhkir kata kerja dengan ism *jam<sup>c</sup>* pula adalah berdasarkan kepada maksud *jam<sup>c</sup>* contohnya ( جماعتهم ) iaitu ( قَامَ النِّسَاءُ ) dan ( جاءَ الْقَوْمُ ) ( جماعتهنَّ ).<sup>1</sup>

Al-Zamakhsyari menyatakan bahawa ta'ñith *jam<sup>c</sup>* adalah tidak naqiqiy, jika harus ditadhibkan walaupun tanpa ada pemisah seperti firman Allah dalam surah Yūsuf ayat 30 :

**وقال نسوة في المدينة**

Terjemahannya : "Dan perempuan-perempuan di bandar (mencaci hal ulaiha) dengan berkata "

Maka tentulah jika ada pemisah lebih harus dan elok lagi<sup>2</sup> seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ahzāb ayat 51:

Ibrāhīm Ibrāhīm Barakāt. Al-Ta'ñith fi al-Lughat al-<sup>c</sup>Arabiyyat. Hal. 301.

Al-Zamakhsyari. Tafsīr Al-Kasysyāf. Jil. 3. Hal. 270.

لَا يَحِلُّ لَكُنَ النِّسَاءُ

Terjemahannya : "Tidak halal bagimu (berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang lain "

Dalam ayat di atas kata kerja ( يَحِلُّ ) telah ditadhibkan kerana perkataan ( النساءُ ) adalah ism jam<sup>c</sup> yang mengharuskan penggunaan kata kerjanya secara tadhkir mahupun ta'nih.

(j) Sekiranya pelaku adalah ism al-jins al-jam<sup>c</sup>iy, maka hukum penggunaan kata kerjanya juga adalah harus ditadhibkan atau dita'nihkan. Contohnya ialah :

قَالَ الْعَرَبُ atau قَالَتِ الْعَرَبُ

( Telah berkata orang Arab )